

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH / HARI : 26 MEI 2017 ( JUMAAT )

## Sinar Harian menang Anugerah Khas MBSA <sup>SH</sup><sub>26</sub>

SHAH ALAM - Seramai 80 pengamal media dari pelbagai agensi menjayakan Majlis Penghargaan Media Massa 2017 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata, majlis tersebut

sebagai menghargai sumbangan pihak media dalam membantu menyalurkan maklumat kepada orang ramai.

"Ia juga merupakan usaha berterusan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara media dan MBSA.

"Kami menghargai

sumbangan anda yang banyak membantu mewar-warkan aktiviti dan program majlis sekaligus meningkatkan imej majlis di mata masyarakat," katanya ketika berucap.

Pada majlis tersebut, MBSA turut memperkenalkan Anugerah Khas Liputan

Berita Terbanyak Tahun 2016 sebagai penghargaan kepada media yang banyak membantu membuat hebahan program kepada masyarakat.

Sinar Harian mendapat tempat pertama dalam kategori tersebut melibatkan 53 liputan.



Ahmad Zaharin (dua, kiri) menyampaikan plak penghargaan kepada wartawan Sinar Harian, semalam.